



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 34 / 2023

KEKOSONGAN LUAR JANGKA KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN) N.67 JEPAK, SARAWAK

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menerima pemakluman rasmi daripada **YB Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Asfia bin Awang Nasar, Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak**, berhubung dengan kekosongan luar jangka kerusi **DUN N.67 Jepak, Sarawak**.
2. Selaras dengan **Artikel 21(5) Perlembagaan Negeri Sarawak** yang memperuntukkan kekosongan luar jangka kerusi **DUN N.67 Jepak, Sarawak**, perlu **diisi dalam tempoh 60 hari** dari tarikh kekosongan kerusi tersebut dipastikan oleh SPR.
3. Sehubungan itu, SPR akan mengadakan satu **Mesyuarat Khas Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN N.67 Jepak, Sarawak** pada **25 September 2023 (Isnin)**. Mesyuarat Khas tersebut akan

dipengerusikan oleh **YBhg. Tan Sri Abdul Ghani Salleh, Pengerusi SPR**, di mana tarikh-tarikh penting PRK seperti tarikh *Writ* Pilihan Raya, Hari Penamaan Calon, Hari Pengundian, Daftar Pemilih yang akan digunakan dan lain-lain persiapan bagi melaksanakan pilihan raya tersebut akan dibincangkan.

4. **Satu sidang media akan diadakan sejurus selepas Mesyuarat Khas tersebut.**

Sekian, terima kasih.

DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK
Setiausaha
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia
19 September 2023 / 3 Rabiulawal 1445H